

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 13/03/2019  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : ANGKASA sedia bantu penubuhan koperasi di Arab Saudi

## Angkasa sedia bantu penubuhan koperasi di Arab Saudi

Tarikh kemaskini: 13/03/2019



SEREMBAN, 13 Mac (Bernama) — Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sedia berkongsi pengalaman bagi membantu mewujudkan kira-kira 2,000 koperasi di Arab Saudi.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata ia berikutan peluang yang ditawarkan Majlis Koperasi Arab Saudi kepada negara-negara Islam yang telah disuarakan sewaktu Mesyuarat Timur Tengah dan Afrika Utara di Maghribi, baru-baru ini.

“Majlis Koperasi Arab Saudi dalam perancangan untuk menubuhkan kira-kira 2,000 koperasi di negara berkenaan yang mana kerajaannya menyediakan peruntukan kira-kira RM13 bilion.

“Peranan yang kita boleh berikan ialah kita berkongsi pengalaman untuk bantu penubuhan koperasi di sana selain untuk mengadakan ikatan perniagaan antaranya dalam bidang pengurusan haji dan pelancongan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Angkasa peringkat Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata pihaknya sedang mengaturkan pertemuan dengan Majlis Koperasi Arab Saudi bagi membincangkan perkara itu secara lebih lanjut.

Dalam pada itu, beliau juga berkata Angkasa ketika ini dalam usaha meningkatkan peranan mereka diperingkat antarabangsa.

“Kita kena masuk pasaran global sekaligus untuk luaskan pengaruh... kita perlu ada hubungan baik dengan negara-negara luar sebab mereka pun perlukan barang kita tetapi kita tidak lupa untuk memajukan dan bangunkan koperasi mikro kerana koperasi mikro inilah merupakan pengisian dalam Angkasa,” katanya.

Terdahulu, Abdul Fattah dalam ucapannya berkata berdasarkan statistik koperasi yang berdaftar diseluruh negara sehingga 30 Jun 2018 adalah sebanyak 14,094 buah koperasi dengan jumlah keanggotaan individu seramai 6.5 juta orang manakala jumlah perolehan sebanyak RM40.29 billion.

“Sasaran sehingga tahun 2020 ialah sebanyak 16,000 buah koperasi dengan jumlah perolehan sebanyak RM50 billion.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof telah menaikkan sasaran jumlah perolehan sebanyak RM5 bilion lagi menjadikan jumlah perolehan sasaran sebanyak RM55 bilion.

“Justeru, koperasi diminta melibatkan diri dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi dan pasaran bukan lagi hanya untuk pasaran domestik tetapi untuk pasaran luar negara,” kata Abdul Fattah

Katanya pendekatan Angkasa dalam memberikan perkhidmatan kepada koperasi begitu menyeluruh dan begitu luas iaitu dengan mewujudkan lapan Sektor Peneraju Perniagaan bagi memberi fokus menyalurkan perkhidmatan dan info mengenai sesuatu perniagaan.

“Lapan sektor peneraju perniagaan tersebut ialah Sektor Peneraju Perkhidmatan Kewangan; Sektor Peneraju Pembangunan Komuniti; Sektor Peneraju Pelancongan, Kesihatan dan Penjagaan Diri; Sektor Peneraju Pertanian dan Industri Asas Tani; Sektor Peneraju Perladangan; Sektor Peneraju Pemborongan dan Peruncitan; Sektor Peneraju Inovasi dan Teknologi ; dan Sektor Peneraju Pembangunan Hartanah,” katanya.

Persidangan itu telah dihadiri seramai 259 perwakilan dari seluruh Negeri Sembilan.

— BERNAMA